

Hassan cadang pemilihan secara syura

UM - 4/6/2007

KOTA BHARU 3 Jun - Bekas Naib Presiden Pas, Datuk Dr. Hasan Mohd. Ali mencadangkan pemilihan bagi jawatan tertinggi dalam parti dibuat secara syura yang dianggap lebih baik seperti yang ditunjukkan oleh Islam sendiri.

Beliau yang mengharapkan cadangannya diberi perhatian serius berkata, selaku sebuah parti Islam, Pas sepatutnya tidak mengetepikan langkah itu kerana ia adalah sistem yang diamalkan di zaman Rasulullah.

Beliau secara terbuka mengakui, pemilihan setiap dua tahun sekali cukup mengganggu pemikirannya dan tentunya juga para pemimpin lain apatah lagi, ia turut merenggangkan hubungan persahabatan sedia terjalin.

Sehubungan itu, Hasan mencadangkan supaya tatacara sistem syura dapat dibentangkan secepat mungkin bagi menggantikan sistem yang ada agar perjalanan tidak terus diganggu oleh pemilihan.

"Kita ada sistem syura, inilah sistem yang paling murni dengan tidak ada lagi sistem yang lebih baik kerana yang lain adalah dibuat oleh manusia untuk manusia.

"Justeru, parti kita melaungkan Islam tetapi kenapa kita tidak boleh ambil pendekatan ini," katanya dalam ucapan penggulungan sempena Muktamar Pas kali ke-53 di Pusat Tarbiyah Islam Kelantan (Putik), di sini hari ini.

Menurutnya, perubahan ini boleh dilakukan kerana ia melibatkan perkara dalaman parti dan tidak sesukar usaha untuk mengubah keadaan demokrasi di negara ini kerana Pas belum berupaya membentuk kerajaan.

"Pada saya, kita wujudkan sistem merit untuk pilih pemimpin, tengok latar belakang dia, pendidikan tidak penting, tetapi kesungguhan dia untuk berjuang bersama Pas itu lebih penting, kiranya kalau lebih banyak turun demonstrasi, markah dia lebih banyak," ujarnya.

Tambah Hassan, pemilihan yang dilakukan secara mengundi banyak mengganggu fikiran perwakilan yang bukan sahaja berlaku di saat-saat membuang undi bahkan sejak beberapa bulan sebelum itu lagi.

Malah katanya, dari segi calon yang hendak bertanding ada kalanya telah dikenali berpuluh tahun tetapi tidak tahu hendak pilih yang mana kerana kedua-duanya bertanding untuk jawatan yang sama.

"Macam Ahmad Awang dengan Dr. Mohfodz Mohamaed (calon Naib Presiden), lebih 30 tahun saya kenal mereka dan itu baru saya, Presiden tentunya lebih lagi merasainya," ujarnya.

Hasan yang menyifatkan ini sebagai ucapan terakhirnya selaku Naib Presiden berikutan keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan turut meluahkan rasa kecewa dengan sikap segelintir pihak dalam Pas sendiri yang cuba mewujudkan pemisahan antara ulama dan profesional.

Malah dalam ucapannya, beliau turut melahirkan rasa kesal dengan tindakan cuba melabel sesetengah pemimpin sebagai sekular termasuk dirinya hanya kerana pendidikan formal yang diterima bukan berlatar belakang Islam.